

07/06/2000

Langkawi Pulau Pelancongan, lebih menarik

Wan Jailani Razak

KEMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyambut baik usaha kerajaan negeri Kedah untuk mendapatkan status bandar raya pelancongan bagi Langkawi tetapi berpendapat istilah Langkawi Pulau Pelancongan lebih sesuai.

Menterinya, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata istilah itu dapat memberi gambaran lebih menarik dan menyeluruh kepada pelancong berbanding menggunakan istilah bandar raya pelancongan.

"Oleh kerana Langkawi memang sudah sedia terkenal sebagai pulau pelancongan, adalah lebih baik istilah itu digunakan.

"Saya berpendapat istilah bandar raya tidak sesuai kerana itu akan menyamakan pulau peranginan ini yang kaya dengan keindahan alam semula jadi dengan bandar raya lain seperti Pulau Pinang dan Ipoh yang memiliki banyak bangunan pencakar langit," katanya.

Abdul Kadir berkata beliau juga sudah memaklumkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengenai pendapatnya berhubung istilah yang lebih sesuai untuk Langkawi.

Kini, terpulanglah kepada kebijaksanaan 'orang kuat' di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menentukan mana yang terbaik untuk Langkawi.

Rasionalnya, tidak salah jika meminta status bandar raya untuk tujuan pentadbiran saja bagi memantapkan tenaga kerja dalam memajukan pembangunan di Langkawi. Bagaimanapun, istilah pulau peranginan lebih memikat bagi tujuan promosi.

Persoalannya, apakah layak Langkawi diberikan status bandar raya sedangkan keadaan di Jeti Kuah masih huru-hara, berlawanan sama sekali dengan imej Malaysia yang digambarkan sebagai sebuah negara yang maju dengan teknologi maklumat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan Fiesta Langkawi minggu lalu berkata, kerajaan Pusat sedia mempertimbangkan cadangan kerajaan Kedah untuk mendapatkan status itu bagi Langkawi.

Bagaimanapun, Abdul Kadir mengakui tahap kebersihan di pulau ini masih belum memuaskan sehingga menimbulkan imej buruk di kalangan pelancong. Masih ramai yang membuang sampah merata-rata.

Di Pantai Cenang, katanya, sampah masih dibuang ke dalam laut dan sampah sarap bertaburan di tepi jalan manakala binatang ternakan dibiarkan berkeliaran.

Beliau menyifatkan mereka yang melakukan perbuatan itu sebagai tidak bertanggungjawab terhadap usaha kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau pelancongan yang unggul.

Kenyataan Abdul Kadir itu seharusnya dijadikan cabaran kepada pihak berkuasa tempatan di sini. Semua pihak perlu bertanggungjawab bagi menjaga imej Langkawi sebagai pulau pelancongan kerana kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau pelancongan. Jika imej kotor berterusan, usaha itu hanya sia-sia.

Sementara itu, Syed Razak berkata kerajaan juga sedang berusaha memastikan barangan keperluan dan mewah yang diimport, dibawa terus dari negara asalnya, bukan melalui negara ketiga supaya dapat dijual pada harga lebih rendah.

"Melalui semua usaha itu, kerajaan negeri berharap dapat menarik kira-kira 2 juta pelancong domestik dan antarabangsa ke Langkawi setiap tahun mulai 2010," katanya.

Penduduk Langkawi seharusnya menyambut baik hajatnya untuk melawat Langkawi sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk memastikan setiap projek yang dirancang di pulau ini dilaksanakan mengikut jadual.

(END)